

20 JUL 2001

Mahathir-Kelantan

PERDANA MENTERI SEDIH KELANTAN MASIH MUNDUR

TUMPAT, 20 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri melahirkan rasa sedih kerana Kelantan masih mundur tanpa banyak pembangunan berbanding negeri-negeri lain yang pesat membangun sejak negara mencapai kemerdekaan.

"Tidak ada kemajuan yang nampak, dan rakyat pun nampaknya ketinggalan," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas membuat tinjauan ke beberapa jajahan di negeri ini hari ini.

Perdana Menteri yang dalam lawatan sehari ke Kelantan, menaiki bas bersama-sama pemimpin Umno Kelantan bagi melihat secara dekat kemajuan jajahan Tumpat dan Pasir Mas yang menempatkan Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor dan Rantau Panjang, kawasan pelancongan dan membeli belah utama di Kelantan.

Dr Mahathir berkata dalam tinjauannya itu, beliau mendapati pekan Tumpat -- jajahan yang pernah disifatkan paling maju di Kelantan pada tahun 1950an -- langsung tidak membangun dan hanya terdapat bangunan dan rumah-rumah yang didirikan kira-kira 50 tahun lepas.

"Jadi saya amat sedih. Sepatutnya Kelantan yang mempunyai ramai rakyat yang berkualiti, maju lebih daripada negeri-negeri lain," katanya kepada pemberita pada akhir lawatan beliau itu.

Beliau menyalahkan PAS dengan apa yang berlaku kerana menurutnya kelemahan kerajaan negeri pimpinan PAS yang menjadi punca keadaan sekarang.

"Kerana kerajaan negerinya tidak cekap dalam bidang pembangunan maka nampaklah rakyat Kelantan ini menderita," katanya.

Perdana Menteri berkata keadaan itu semakin buruk apabila anak-anak Kelantan yang berpeluang melanjutkan pelajaran ke universiti, enggan kembali ke negeri asal mereka selepas tamat pengajian.

Anak-anak Kelantan ini, yang sepatutnya boleh membantu memajukan negeri, sebaliknya lebih selesa tinggal di Kuala Lumpur atau bandar-bandar besar yang lain, katanya.

Ditanya adakah kerajaan pusat akan membantu menjanakan pembangunan Kelantan termasuk meluluskan bantuan yang dipohon kerajaan negeri, Dr Mahathir berkata ia sukar dipenuhi kerana sikap pemimpin PAS itu sendiri yang suka menabur fitnah.

"Kita hendak bantu tapi kalau dok (asyik) maki kita teruk sangat, macam mana hendak bantu. Ini panggil saya anjing, dajal, Mahadajal ...adakah patut.

"Lepas tu minta supaya kita tolong, macam mana hendak tolong. Dajal mana hendak boleh tolong manusia. Kalau kita jadi dajal, kita tak boleh tolonglah manusia," katanya.

Terdahulu, ketika berucap kepada kira-kira 5,000 penduduk Pengkalan Kubur di sini, Dr Mahathir meminta rakyat Kelantan membuat penilaian terhadap suasana negeri ini sekarang yang kian mundur kerana kegagalan kerajaan negeri PAS Kelantan.

"Nasib Kelantan terserah kepada orang Kelantan. Selepas ini pilih kerajaan yang cekap dan mampu membangunkan Kelantan. Iaitu kerajaan (negeri) yang ada hubungan rapat dengan kerajaan pusat supaya banyak bantuan diperolehi daripada kerajaan pusat," katanya.

Perdana Menteri berkata Kelantan sebenarnya boleh berbangga kerana ramai anak negeri menjadi usahawan berjaya dan memegang jawatan penting di dalam kerajaan pusat dan syarikat-syarikat utama.

Beliau berkata malangnya anak-anak Kelantan ini tidak berminat untuk kembali dan memajukan negeri sendiri.

"Saya yakin jika suasana iklim yang sesuai, mereka akan balik ke Kelantan," katanya.

Sementara itu, di RANTAU PANJANG, Dr Mahathir mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin Umno bahagian Rantau Panjang dan Tumpat di Sekolah Kebangsaan Gual Tinggi.

Presiden Umno itu memberi amanat kira-kira sejam bermula pukul 5 petang kepada pemimpin kedua-dua bahagian berkenaan termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita.

Beliau kemudian meluangkan masa kira-kira 20 minit meninjau kawasan pekan Rantau Panjang, sebuah pusat membeli belah yang terkenal di sempadan Malaysia-Thailand.

Dr Mahathir turut beramah mesra dengan orang ramai di pekan itu.

-- BERNAMA

BD RON